

Watak dan Perwatakan bagi Novel Cempaka Putih Untukmu

Watak Utama

Hartini (Tini)

Hartini bernama **Hartini Ayu binti Hasrul**. Dia merupakan anak perempuan kepada Encik Hasrul dan Puan Sarah. Dia mempunyai dua orang abang iaitu Along dan Angah serta seorang adik, iaitu Amin. Hartini berumur lebih kurang 15 atau 16 tahun. Dia sebagai pelajar di Tingkatan Tiga Teratai, Sekolah Menengah Kuala Batu dan di Sekolah Menengah Puncak Wawasan ketika di Tingkatan Empat. Hartini telah mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan PMR, iaitu 7A 1B.

Hartini ialah anak yang taat dan hormat kepada ibu bapa. Hartini sayang akan ibu bapanya. Ketika berada di rumah nenek, Pontian Johor, Hartini sentiasa rindu akan mamanya. Jika terdapat masalah, dia sentiasa meluahkan isi hati kepada ibu bapanya dan meminta pandangan mereka.

Hartini juga bersikap setia kawan dan ikhlas terhadap rakan. Sebagai rakan baik kepada Satiah, Hartini berusaha untuk membantunya. Dia sanggup dimarahi malah dipukul oleh Pak Morit semata-mata hendak merayu Pak Morit agar menghantar Satiah ke hospital.

Hartini bersikap gigih. Walaupun terpaksa menghadapi sikap Pak Morit yang garang dan tegas, Hartini tidak berputus asa supaya Satiah dapat menerima perubatan moden walaupun dilarang oleh Pak Morit.

Selain itu, Hartini ialah seorang pelajar yang rajin dan berkomitmen. Dia belajar dengan bersungguh-sungguh dan menubuhkan kumpulan belajar bersama dengan rakan sekelas. Akibatnya usahanya telah membuatkan hasil, sehingga dia mendapat keputusan yang cemerlang dalam PMR, iaitu 7A1B.

Seterusnya, Hartini juga cepat menginsafi kesalahan diri dan sanggup meminta maaf. Ketika bergaduh, Hartini telah menampar muka rakan sebiliknya di Asrama, iaitu Junainah. Dia menyesal atas sikapnya yang terburu-buru dan sanggup meminta maaf kepada Junainah di pejabat Pengetua secara ikhlas.

Di samping itu, Hartini berpegang pada janji dan beramanah. Setelah berjanji dengan Satiah untuk pulang ke kampung bersama-sama ketika cuti semester pertama, Hartini sentiasa menunggu ketibaan cuti sekolah. Selain itu, dia ingin menunaikan wasiat Satiah setelah membaca diarinya, iaitu memberikan kasih sayang kepada ibu bapa Satiah untuk menggantikan kedudukan Satiah sebagai anak perempuan kepada Pak Morit dan Mak Sukin. Dia juga menanam pokok bunga cempaka putih di pusara Satiah kerana mengetahui Satiah amat suka bau haram bunga cempaka putih.

Watak Sampingan

Satiah (Tiah)

Satiah ialah anak yang kedua kepada Pak Morit dan Mak Sukin. Satiah merupakan seorang gadis orang asli yang bersikap pendiam dan pemalu. Dia seorang pelajar cemerlang dan memperoleh 8A dalam peperiksaan PMR. Dia mahir dalam penulisan sehingga sering dipuji oleh gurunya. Selain sebagai rakan terbaik kepada

Hartini, Satiah juga sebagai anak angkat kepada Encik Hasrul dan Sarah. Bagaimanapun Satiah telah menghidap penyakit barah paru-paru sehingga menemui ajal.

Satiah bersikap ringan tulang dan rajin. Ketika tinggal di rumah Hartini, dia sering membantu mama membuat kerja rumah tangga. Dia juga tekun mengulang kaji terhadap pelajarannya sehingga memperoleh keputusan yang cemerlang.

Satiah juga bersikap hormat dan taat kepada ibu bapa. Satiah sangat sayang akan ibu bapanya dan tidak berani mengingkari perintah ayahnya, seperti dia tidak mahu menyertai kumpulan belajar bersama dengan rakan sekelasnya kerana sedar bahawa bapanya tidak akan bersetuju.

Satiah bersikap tabah dan gigih. Dia sanggup menanggung penderitaan penyakitnya dan meneruskan sisa hayatnya dengan belajar secara berkomitmen. Ketika berada di sekolah berasrama penuh, dia sentiasa sabar dan tidak memberitahu Hartini atau ibu bapanya tentang keadaan penyakitnya yang semakin tenat.

Selain itu, Satiah seorang sahabat yang ikhlas. Dia menjalin hubungan dengan Hartini yang datang dari bandar dengan ikhlas. Dia juga sayang akan Hartini sebagai sahabat dan saudara angkatnya. Buktinya ketika mengetahui Hartini dilokap akibat kes penagihan dadah, Satiah yang berada di asrama sangat gelisah dan menangis serta percaya bahawa Hartini pasti difitnah dalam kes tersebut.

Pak Morit

Pak Morit ialah bapa kepada Satiah dan suami kepada Sukin. Dia mempunyai 4 orang anak dan kedua-dua anak perempuannya telah meninggal dunia, iaitu anak sulungnya mati akibat penyakit AIDS manakala Satiah mati kerana menghidap penyakit barah paru-paru. Pak Morit berbangsa orang asli yang memegang kuat pada adat dan pantang larang keturunan. Pak Morit juga seorang petani.

Pak Morit seorang bapa yang sayang akan anaknya. Ketika Satiah demam, dia terus masuk ke hutan untuk mencari ramuan ubat tradisional. Dia juga berusaha menyembuhkan penyakit anaknya walaupun dengan cara yang salah.

Pak Morit juga seorang ayah yang mementingkan pelajaran anaknya. Untuk menjamin kejayaan anaknya dalam pelajaran, dia sanggup menyerahkan Satiah kepada Encik Hasrul sebagai anak angkat supaya Satiah dapat belajar bersama dengan Hartini di rumah Encik Hasrul.

Bagaimanapun, Pak Morit bersikap ego dan degil. Dia tidak sanggup menerima nasihat orang lain walaupun dipujuk dan dirayu oleh ibunya, Hasru dan Hartini. Dia tetap menolak permintaan mereka untuk memberikan rawatan moden kepada Satiah yang sakit tenat. Sikap egonya mengakibatkan Satiah terlewat untuk mendapat rawatan yang rapi.

Mak Sukin

Ibu kepada Satiah dan isteri kepada Pak Morit.

Dia sangat sayang akan anaknya. Dia sanggup menjaga Satiah di hospital beberapa hari tanpa tidur.

Mak Sukin juga seorang isteri yang taat setia kepada Pak Morit. Dia tidak pernah mengingkari pandangan suaminya.

Hasrul (papa Hartini)

Hasrul ialah bapa kepada Hartini dan suami kepada Sarah. Hasrul mempunyai tiga anak lelaki dan seorang anak perempuan, iaitu Hartini.

Hasrul ialah seorang pegawai Jabatan Pertanian yang bertanggungjawab. Dia berusaha meningkatkan hasil pertanian penduduk orang asli. Dia juga sanggup berpindah ke kawasan pedalaman untuk menjalankan tugasnya.

Hasrul ialah seorang ayah yang prihatin dan penyayang. Dia sayang akan anak dan mengambil berat terhadap pelajaran anaknya. Ketika mengetahui Hartini ditahan di balai polis kerana terlibat dalam kes dadah, dia telah menemui pihak polis dan pihak polis untuk membuat siasatan lanjut. Atas usahanya yang gigih dia berjaya mengesan dalang dalam sindiket najis dadah di asrama sekolah, iaitu Encik Kancho.

Hasrul juga bersifat baik hati dan suka menolong. Apabila mengetahui masalah Satiah daripada anaknya, Hartini, Hasrul tidak keberatan untuk membantu Satiah dengan berbincang dengan bapanya Pak Morit supaya membenarkan belajar secara berkumpulan dengan Hartini. Dia sanggup menerima Satiah sebagai anak angkat supaya Satiah dapat belajar di rumahnya dengan baik. Dia juga sanggup menanggung kos perubatan Satiah ketika menadapat rawatan di hospital.

Hasrul bersikap mesra dan menghormati adat resam bangsa lain. Walaupun tidak setuju tentang cara Pak Morit yang meminta dukun untuk memberikan rawatan kepada Satiah, Hasrul tetap menghormati keputusan Pak Morit, adat dan pantang larang kaum orang asli.

Sarah (mama Hartini)

Sarah merupakan isteri kepada Encik Hasrul dan ibu kepada Hartini. Sarah memiliki 4 orang anak dan seorang anak angkat, iaitu Satiah. Sarah seorang suri rumah tangga.

Sarah merupakan seorang ibu yang bersifat penyayang dan sentiasa mengambil berat terhadap masalah anaknya. Contohnya, dia sering mendengar rintihan jiwa Hartini dan mengambil tahu tentang masalah yang dihadapinya di sekolah. Dia juga memberikan kasih sayang yang sama kepada anak angkatnya, seperti menjahit baju kurung yang sama warna kepada Hartini dan Satiah.

Sarah juga seorang isteri yang setia dan hormat kepada suaminya. Ketika suaminya hendak berpindah tugas ke pedalaman, dia berasa cemas untuk tinggal di kawasan yang serba kekurangan tetapi dia tetap mengikut keputusan suami.

Sarah bersifat mesra. Dia pandai menyesuaikan diri dalam masyarakat setempat. Dengan mudah, dia dapat bergaul mesra dengan jiran tetangga dan menjadi kawan baik kepada Mak Sukin.

Junainah

Rakan sebilik asrama sekolah dengan Hartini. Sebagai anak orang kaya, dia bersikap sombang dan memandang enteng terhadap keikhlasan persahabatan Hartini dengan Satiah. Dia bersifat ego dan mementingkan diri.

Contohnya dia sanggup memasng radio dengan suara yang kuat tanpa mempedulikan perasaan rakan sebiliknnya. Dalam akhir cerita, dia dia terlibat dalam penagihan dadah. Dialah yang menyimpan pil ecstasy di dalam laci Hartini sehingga Hartini ditahan oleh polis.

Nora

Rakan sebilik asrama sekolah dengan Hartini. Nora seorang yang bersikap ikhlas dan setia kawan terhadap Hartini. Ketika Hartini dipanggil ke pejabat kerana menampar Junainah, Nora sanggup menjadi saksi kepada Hartini untuk membuktikan bahawa Junainah memang bersikap terlampau sehingga membangkit kemarahan Hartini.

Watak-watak lain

Along - Abang sulung Hartini

Angah – Abang kedua kepada Hartini

Amin – Adik kepada Hartini

Ali Sintok, Ineng, Ambok, Sinda - Kawan baik Hartini dalam Tingkatan Tiga Teratai yang berbangsa orang asli

Cikgu Malik - Guru Kelas Tingkatan Tiga Teratai di Sekolah Menengah Kuala Batu

Nenek - Nenek Hartini tinggal di Pontian, Johor.

Mak Usu – Adik bongsu kepada papa (Hasrul) sebaya dengan Along. Dia terlibat dalam penagihan dadah dan gengsterisme sering ditahan oleh polis sehingga dipaksa tinggal bersama dengan Pak Long Hartini di Ipoh. Hal ini juga menyebabkan nenek terpaksa tinggal secara bersendirian.

Mak Leha – Kawan baik kepada nenek Hartini. Dia sering risau akan anaknya yang ketiga kerana menagih dadah sehingga ditahan oleh polis.

Puan Norjihhan - Warden asrama di Sekolah Menengah Puncak Wawasan. Dialah yang melaporkan kes Hartini menampar Junainah kepada pengetua. Selain itu, dia juga mencari pil ecstasy di dalam kotak yang disimpan dalam laci Hartini.

Pengetua - Pengetua Sekolah Menengah Puncak Wawasan telah melaporkan kes dadah kepada polis. Dia bertindak dengan adil tentang pergaduhan Hartini dengan Junainah. Dia juga cepat meminta maaf kepada Hartini kerana menyebabkan Hartini ditahan di lokap walaupun tidak berdosa.

Encik Kancho – Dia ialah pengawal keselamatan Sekolah Menengah Puncak Wawasan. Dia juga dalang dalam sindiket dadah di asrama sekolah itu. Dialah yang mengedar pil ecstasy kepada Junainah dan Salha malah sanggup menganiaya Hartini dengan memfitnah bahawa Hartini tidak bermaya dan merokok di belakang asrama malah dia menyuruh Junainah menyimpan pil ecstasy di tempat Hartini supaya Hartini ditahan polis dan tidak mengesyaknya.

Disediakan pada subuh pagi 21 Oktober 2011